

23 JUL 2003

Mahathir-Hepar (Bergambar)

80 PERATUS PESAKIT BARAH HEPAR LEWAT DAPAT RAWATAN, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata 80 peratus pesakit barah hepar datang terlalu lewat untuk mendapatkan rawatan.

Ini kerana mereka tidak sedar yang mereka mengidap penyakit itu disebabkan gejala awal tidak dapat dikesan bagi sesetengah kes manakala yang lain tidak mendapat nasihat yang betul atau tidak menghiraukannya.

Penubuhan Yayasan Hepar Malaysia dapat membantu menyedarkan orang ramai tentang bahayanya penyakit itu dan mengambil langkah-langkah pencegahan, katanya pada buku cenderamata jamuan amal yayasan itu di sini.

Beliau, yang juga penaung yayasan itu berkata pakar perubatan dan sukarelawan dapat menggembelng tenaga untuk menangani penyakit terbabit bersama-sama melalui yayasan berkenaan.

Barah hepar, katanya, adalah antara sepuluh penyakit yang paling banyak dilaporkan berlaku di negara ini.

Yayasan itu akan dapat mendidik pesakit-pesakit dan orang awam tentang penyakit itu, kata Perdana Menteri.

Di samping itu, ia dapat membantu penyelidik-penyelidik menjalankan penyelidikan dan memahami mekanisma penyakit barah hepar serta memperkenalkan cara-cara diagnostik dan inovatif serta strategi-strategi rawatan yang berkesan bagi mengubatnya.

Semasa bercakap pada majlis makan malam yayasan itu di sini, Dr Mahathir menggesa rakyat Malaysia supaya membantu yayasan berkenaan agar mereka dapat memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Dr Mahathir turut menyatakan rasa terperanjatnya apabila majlis makan malam itu merakamkan penghargaan kepada beliau selaku penaung yayasan dan juga Perdana Menteri.

Presiden yayasan itu Datuk Dr Ismail Merican berkata yayasan berkenaan merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri terhadap sumbangannya kepada negara dan yayasan itu.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

-- BERNAMA

JM AT ROS